

# **PANDUAN PELAKSANAAN KELAS KHAS KEMAHIRAN MEMBACA DAN MENGHAFAZ AL-QURAN**

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Satu daripada keunikan sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan kelas aliran agama (KAA) ialah wujudnya kelas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ).
- 1.2. Program KKQ memperkasakan penguasaan kemahiran al-Quran di kalangan murid-murid yang mengikuti kelas berkenaan.
- 1.3. Sekolah-sekolah yang terlibat dengan pelaksanaan KKQ perlu mematuhi garis panduan yang seragam bagi memudahkan pencapaian objektif program berkenaan.
- 1.4. Panduan pelaksanaan kelas KKQ ini menjelaskan perkara-perkara penting yang perlu dimaklumi dan dipatuhi. Ini merangkumi tujuan panduan, rasional, latar belakang, status kelas kemahiran al-Quran, peperiksaan dan persijilan, jadual waktu, peranan dan tanggungjawab guru al-Quran dan penutup.

## **2. TUJUAN PANDUAN**

- 2.1. Kertas ini bertujuan menjelaskan peraturan dan panduan berhubung dengan pelaksanaan kelas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ).
- 2.2. Membuat penjelasan tugas guru al-Quran di sekolah-sekolah yang mempunyai kelas aliran agama (KAA).
- 2.3. Memberi panduan kepada pentadbir mengambil faedah daripada penempatan guru al-Quran di sekolah masing-masing.

## **3. RASIONAL**

- 3.1. Pekeliling dan surat edaran berkenaan dengan KKQ yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan telah diedarkan kepada pihak sekolah. Kertas panduan ini hanya membuat penegasan semula terhadap perkara tersebut.
- 3.2. Kurikulum KKQ turut menerima perubahan selaras dengan semakan semula kurikulum Pendidikan Islam teras dan elektif. Perubahan itu perlu dijelaskan bagi memastikan keselarasan kelas berkenaan.
- 3.3. Arahan dan panduan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia adalah perlu bagi menjelaskan beberapa aspek berkaitan pelaksanaan KKQ di sekolah-sekolah tertentu.

## **4. LATAR BELAKANG**

- 4.1. Kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ) telah dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) sejak tahun 1986 hingga sekarang.
- 4.2. Pelaksanaan ini berdasarkan keputusan mesyuarat **Jawatankuasa Perancangan Pelajaran (JPP) pada tahun 1985.**

- 4.3. Kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ) adalah merupakan salah satu daripada aktiviti kokurikulum di SMKA dan KAA. Berdasarkan pekeliling **KP(BPPP)Sulit/03/9/JPP/M(87)** kelas ini hendaklah dilaksanakan di sekolah tertentu.
- 4.4. Jawatan guru al-Quran di SMKA dan KAA telah diperuntukkan di dalam senarai perjawatan (**B26**) tahun **2002** berdasarkan **MEMO** daripada Bahagian Sumber Manusia Kementerian Pendidikan Malaysia **KP(PP)0050/Jld.43 (9)** bertarikh **8 Mac 2002**.
- 4.5. JAPIM dari semasa ke semasa sentiasa mengadakan kursus-kursus khas kepada guru-guru yang mengajar KKQ di SMKA. Kursus yang sama juga akan diberikan kepada guru-guru yang mengajar di KAA bagi menambah atau melengkapkan guru-guru dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkaitan.

## **5. STATUS KELAS KHAS KEMAHIRAN AL-QURAN**

- 5.1. Kelas kemahiran al-Quran adalah salah satu kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di SMKA dan KAA seluruh Negara. Namun begitu di sekolah berkenaan ia wajib dilaksanakan tiga jam dalam seminggu bagi setiap tingkatan mengikut sukatan pelajaran yang telah ditetapkan.
- 5.2. Oleh kerana statusnya sebagai kegiatan kokurikulum, maka proses pembelajarannya dilaksanakan di luar jadual waktu rasmi. Ini bererti kelas ini terpaksa dilaksanakan pada sebelah petang jika murid terbabit berada pada sesi pagi. Sekiranya murid yang terbabit bersekolah pada sesi petang, maka kelas ini dilaksanakan pada sebelah pagi. Namun begitu ia menjadi tugas rasmi bagi guru.
- 5.3. Adalah menjadi tanggungjawab pentadbir sekolah menggunakan budi bicara mereka untuk menyusun jadual yang membolehkan guru yang terbabit datang lewat kerana mereka terpaksa pulang lebih lewat berbanding dengan guru-guru lain, begitu juga sebaliknya.
- 5.4. Di samping itu murid-murid yang terlibat dalam kelas ini hendaklah dianggap telah mengikuti salah satu daripada kegiatan kokurikulum yang diwajibkan. Kehadiran mereka dalam kelas ini hendaklah diambil kira ketika memberi markah dalam kegiatan kokurikulum.
- 5.5. Guru yang mengajar kelas tersebut juga hendaklah dianggap telah mengambil bahagian dalam kegiatan kokurikulum.
- 5.6. Guru yang mengajar kelas tersebut secara khusus juga tidak diberi jawatan-jawatan berat seperti guru tingkatan dan seumpamanya. Ini bagi membolehkan guru terbabit memberi tumpuan yang sepenuhnya supaya kelas berkenaan dapat berjalan dengan baik.
- 5.7. Pentadbir sekolah juga patut berusaha menambah bahan-bahan bantuan mengajar yang diperlukan serta memastikan kelas berkenaan berjalan dengan baik.

## **6. PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN**

- 6.1. Setiap murid yang mengikuti kelas ini akan mengikuti peperiksaan khas yang dilaksanakan semasa tingkatan tiga dan juga tingkatan lima.
- 6.2. Semua murid tingkatan tiga dan lima yang mengikuti kelas ini layak menduduki peperiksaan tersebut.

- 6.3. Peperiksaan dilaksanakan dalam bentuk lisan dan juga objektif (aneka pilihan) meliputi aspek tafsir, hafazan, tajwid, tarannum, ulum al-Quran dan qiraat al-sab'ie. Semua soalan disediakan oleh jawatankuasa khas di Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 6.4. Peperiksaan lisan akan dilaksanakan oleh guru yang mengajar mengikut panduan yang telah ditentukan. Panduan dan format ujian akan dihantar kepada guru berkenaan. Markah yang telah siap akan dihantar kepada kementerian untuk disatukan dengan markah peperiksaan objektif.
- 6.5. Peperiksaan objektif dilaksanakan serentak seluruh Negara. Skrip jawapan calon akan dihantar kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk diperiksa dan diberi markah.
- 6.6. Murid yang lulus dalam peperiksaan tersebut akan dianugerahkan sijil yang ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (JAPIM) yang merupakan pengerusi jawatankuasa khas kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran.

## 7. JADUAL WAKTU

- 7.1. Antara isu yang sering timbul berhubung dengan kelas KKQ ialah jadual waktu kelas. Hal ini perlu diberi perhatian supaya kelas tersebut dapat berjalan dengan lebih teratur.
- 7.2. Pertembungan dengan aktiviti lain seperti sukan, kelas tambahan dan seumpamanya hendaklah dielakkan agar murid yang terlibat tidak menjadi serba salah dan hilang minat terhadap kelas berkenaan.
- 7.3. Jadual untuk kelas KKQ hendaklah disusun dengan baik dan bersifat fleksibel. Bagi sekolah yang mempunyai asrama, kelas ini boleh dilaksanakan pada sebelah malam. Justeru itu pihak sekolah hendaklah memberi keutamaan kepada murid yang mengikuti kelas KKQ menghuni asrama sekolah.
- 7.4. Jadual yang diperuntukkan untuk kelas ini adalah tiga jam seminggu seperti yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perancangan Pelajaran (JPP).
- 7.5. Contoh jadual waktu KKQ tingkatan satu.

Hari / Masa	2.30 – 3.30 Petang		3.30 – 4.30 Petang	
Isnin			Tarannum	Rasm
Selasa				
Rabu	Hafazan	Ulum Al-Quran		
Khamis				
Jumaat			Qiraat	Tajwid

- 7.6. Contoh jadual waktu KKQ tingkatan dua.

Hari / Masa	2.30 – 3.30 Petang		3.30 – 4.30 Petang	
Isnin				
Selasa	Tarannum	Rasm	Qiraat	Tajwid
Rabu			Hafazan	Ulum Al-Quran
Khamis				
Jumaat				

## 8. STATUS MURID

- 8.1. Adalah dicadangkan supaya bilangan murid dalam sesebuah kelas tidak melebihi 20 orang. Ini bagi membolehkan guru memberi tumpuan kepada tiap-tiap murid secara individu dan latih tubi.
- 8.2. Murid hendaklah dipilih dari kalangan murid yang baik dan lancar membaca al-Quran kerana kandungan sukatan pelajaran dalam mata pelajaran ini adalah tinggi.

## 9. PENGURUSAN PANITIA

- 9.1. Walaupun bilangan Guru KKQ hanya seorang bagi sesebuah sekolah, Panitia KKQ hendaklah juga diwujudkan.
- 9.2. Panitia KKQ boleh bernaung di bawah Panitia Pendidikan Islam dengan cara memasukkan KKQ dalam agenda mesyuarat.
- 9.3. Antara item yang boleh dimasukkan dalam Fail Panitia ialah;
  - 9.3.1. Biodata Guru
  - 9.3.2. Jadual Waktu
  - 9.3.3. Sukatan Pelajaran
  - 9.3.4. Huraian Sukatan Pelajaran
  - 9.3.5. Senarai Buku-Buku Rujukan
  - 9.3.6. Minit Mesyuarat
  - 9.3.7. Senarai Murid
  - 9.3.8. Pendaftaran Peperiksaan
  - 9.3.9. Contoh-contoh soalan
  - 9.3.10. Markah peperiksaan (syafawi)
  - 9.3.11. Salinan Keputusan Peperiksaan
  - 9.3.12. Surat-surat dari KPM, JPN, PPD dan Sekolah

## 10. STATUS GURU AL-QURAN

Guru al-Quran adalah jawatan **Over & Above** diberi kepada sekolah menengah harian biasa yang mempunyai KAA. Di antara tugas dan tanggungjawab guru al-Quran ialah :

- 10.1. Guru al-Quran yang dilantik diminta melaksanakan kelas KKQ.
- 10.2. Mereka boleh (dengan budi bicara) diminta mengajar mata pelajaran lain seperti Pendidikan Islam dan Bahasa Arab sekiranya masih terdapat kekosongan dalam jadual mereka.
- 10.3. Bertanggungjawab melaksanakan projek-projek khas yang berkaitan dengan al-Quran seperti kelas pemulihan dan sebagainya.
- 10.4. Membimbing murid-murid membaca al-Quran.
- 10.5. Menanam minat murid dan warga sekolah kepada al-Quran sehingga terbentuk masyarakat celik al-Quran.
- 10.6. Bertanggungjawab membasmi buta al-Quran dikalangan murid.
- 10.7. Menjadi tempat rujukan warga sekolah berkaitan dengan al-Quran dan aspek kemahiran al-Quran.
- 10.8. Mematuhi arahan pengetua sekolah dan menjalankan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## 11. HARAPAN

- 11.1. Bilangan sekolah dan murid yang mengikuti kelas ini bertambah dari semasa ke semasa. Ini bererti peranan dan tanggungjawab kita semakin bertambah.
- 11.2. Oleh yang demikian peranan jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah sangat penting dalam memastikan perjalanan kelas ini di negeri dan daerah masing-masing dengan membuat penyeliaan dan pemantauan yang berterusan sekurang-kurangnya dua bulan sekali (surat edaran Bahagian Pendidikan Islam Bilangan **K.P.5206/3/38Jld 5 (76)** bertarikh 28 September 1993).
- 11.3. Pihak sekolah juga patut berusaha khususnya dalam menjaga kebajikan mereka yang terlibat dengan KKQ. Antara kebajikan yang boleh diberikan ialah menyediakan sebuah bilik darjah khas kepada kelas tersebut. Perkara ini telah pun dilaksanakan di beberapa buah sekolah.
- 11.4. Kelas ini diharapkan dapat melahirkan lebih ramai murid yang mahir dalam bidang al-Quran sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.